

D.R. 18/2006

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006.

(2) Kecuali seksyen 3, Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Seksyen 3 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Februari 2006.

Pindaan seksyen 30

2. Akta Bank Negara Malaysia 1958 [*Akta 519*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 30(1) —

(a) dalam subperenggan (bb)(\) —

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "the Minister, securities" perkataan "other than securities issued under subparagraph (bbb){\ }" dan

- (ii) dengan menggantikan proviso dengan proviso yang berikut:

"Provided that the total amount of securities so issued shall not at any time exceed fifty per centum of the amount of the General Reserve Fund of the Bank;"; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (bb) perenggan yang berikut:

"(bbb) (i) issue securities in its own name for the purpose of conducting monetary policy operations and the issue, holding and sale of such securities shall be subject to such terms and conditions as the Bank may determine at the time of the issue of such securities:

Provided that the total amount of securities so issued shall not at any time exceed the amount of the Bank's reserve of external assets;

- (ii) purchase, sell and redeem securities issued by the Bank pursuant to subparagraph (bbb)(i) for the purpose of conducting monetary policy operations;".

Pindaan seksyen 30A

3. Seksyen 30A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

"Establishment of body corporate for training, credit counselling, etc."; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Notwithstanding section 31, the Bank may—

- (a) establish a body corporate for the purposes of training, research and development of human resource in relation to banking and financial services; and

Bank Negara Malaysia (Pindaan)

3

- (b) establish a body corporate for the purposes of providing financial counselling, debt management services and education on financial management."

Pindaan seksyen 44A

4. Seksyen 44A Akta ibu dipinda dalam takrif "debt securities" dengan menggantikan perkataan "paragraph 30(1)(bb)" dalam perenggan (d) dengan perkataan "paragraphs 30(1)(bb) and 30(1)(bbb)".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 ("Akta 519").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2(a)* bertujuan untuk meminda subperenggan 30(1)(bb)(v) Akta 519 untuk membezakan antara sekuriti yang diterbitkan di bawah subperenggan ini yang bukan untuk tujuan dasar monetari dengan sekuriti yang diterbitkan di bawah subperenggan baru 30(1)(bbb)(i), *Fasal 2(b)* bertujuan untuk meminda proviso subperenggan 30(1)(bb)(ii) Akta 519 untuk mengurangkan had kewangan bagi sekuriti yang diterbitkan di bawah subperenggan 30(1)(bb)(i) kepada lima puluh peratus daripada Kumpulan Wang Rizab Am Bank. Had kewangan yang lebih rendah dikenakan berikutan cadangan untuk memasukkan perenggan baru 30(1)(bbb) ke dalam Akta 519 untuk mentadbirkan penerbitan sekuriti-sekuriti Bank Negara Malaysia bagi maksud dasar monetari. *Fasal 2(b)* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 30(1)(bbb) ke dalam Akta 519 bagi penerbitan sekuriti Bank Negara Malaysia untuk tujuan menjalankan operasi dasar monetari. Penerbitan sekuriti ini dijangka menambahkan kepelbagaian instrumen yang tersedia bagi operasi dasar monetari dan memberi kelenturan operasi dalam pengurusan kecairan. Bank akan mempunyai budi bicara untuk menentukan terma bagi penerbitan, pemegangan dan penjualan sekuriti demikian dengan syarat jumlah keseluruhan terbitan pada bila-bila masa tidak melebihi jumlah rizab aset luar Bank. Di bawah subperenggan baru 30(1)(bbb)(u), Bank juga diberi kuasa untuk membeli, menjual dan menebus sekuriti yang diterbitkan di bawah subperenggan 30(1)(bbb)(u) dalam menjalankan operasi dasar monetari.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda nota bahu kepada seksyen 30A Akta 519 dan meluaskan skop pemakaian seksyen itu untuk memberi Bank kuasa bagi menubuhkan pertubuhan perbadanan untuk maksud memberi kaunseling kewangan, perkhidmatan pengurusan hutang dan pendidikan mengenai pengurusan kewangan.

Rang Undang-Undang

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda perenggan (*d*) kepada seksyen 44A Akta 519 untuk memasukkan sekuriti yang diterbitkan di bawah perenggan baru 30(*l^{bbb}*) dalam takrif "debt securities" bagi maksud Bahagian VIII Akta 519.

IMPUKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2529J